

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
[MAS GADING]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2014

SOALAN :

YB. Tuan Nogeh Anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan peningkatan kes pembunuhan dan penculikan pelancong asing di dalam negara terhadap jumlah pelancong yang berkunjung sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik ketibaan pelancong asing ke Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2014, Malaysia telah menerima seramai **13.8 juta orang** pelancong asing merekodkan peningkatan sebanyak **10.5 peratus** berbanding tempoh yang sama tahun 2013. Secara keseluruhannya didapati kes pembunuhan dan penculikan tidak memberi kesan terhadap ketibaan pelancong asing ke Malaysia kecuali bagi negeri Sabah.

Sabah merupakan salah satu destinasi kegemaran terutamanya bagi pasaran pelancong dari Republik Rakyat China (RRC). Namun, akibat kejadian pencerobohan di Lahad Datu dan juga insiden MH370 yang melibatkan warganegara China telah menjejaskan usaha promosi Kementerian ini di pasaran RRC. Setakat ini pasaran China dan Taiwan yang telah mengalami penurunan sebanyak **11.8 peratus** dan **2.9 peratus** masing-masing bagi tempoh Januari - Julai, 2014 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Jumlah ketibaan pelancong asing daripada negara China adalah seramai **997,370 orang** dan dari negara Taiwan seramai **168,962 orang** pada sehingga bulan Julai 2014.

Sebanyak 30,000 tempahan yang dibatal atau ditangguhkan di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Namun secara keseluruhannya, Kementerian yakin akan mencapai sasaran prestasi ketibaan pelancong asing iaitu seramai **28 juta orang** pelancong pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.